

## ANALISIS PANDANGAN HUKUM MENURUT ULAMA KONTEMPORARI DALAM ISU KEPENGGUNAAN BERKAITAN KOSMETIK

*Analysis Of Islamic Law Views According to Contemporary Islamic Scholars  
On Consumer Issues Related to Cosmetics*

Ahmad Murshidi Mustapha<sup>1a\*</sup> and Noraini Junoh<sup>2b</sup>

<sup>a</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan,  
18500 Machang Kelantan, MALAYSIA.

Emel: [ahmadmurshidi@uitm.edu.my](mailto:ahmadmurshidi@uitm.edu.my)

<sup>b</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan,  
Emel: [norainijunoh@uitm.edu.my](mailto:norainijunoh@uitm.edu.my)

\*Corresponding Author: [ahmadmurshidi@uitm.edu.my](mailto:ahmadmurshidi@uitm.edu.my)

Received: 07 October 2022

Accepted: 28 October 2022

Published: 30 November 2022

DOI: <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol27no2-SE.495>

<i>Abstrak</i>	<i>Abstract</i>
<p>Produk kosmetik kini diterima ramai oleh masyarakat di Malaysia sama ada lelaki ataupun wanita. Lambakan kosmetik dalam pelbagai aspek kecantikan menjadi tarikan para pengguna sebagai solusi kepada masalah yang dihadapi. Penerimaan daripada para pengguna bukan sahaja berdasarkan kepada jenis produk, akan tetapi tarikan kepada kesannya yang cepat serta harga yang mampu milik turut menjadi faktor pemilihan sesuatu kosmetik. Evolusi sains dan teknologi menjadikan produk kosmetik lebih pelbagai dan hasil yang lebih efisien. Namun, kegagalan dalam mematuhi standart yang telah ditetapkan oleh pihak berautoriti menunjukkan penggunaan bahan-bahan terlarang seperti racun berjadual dan unsur-unsur haram serta najis masih wujud. Bahan-bahan yang mempunyai unsur-unsur haram dan tidak jelas status halalnya dalam kosmetik turut</p>	<p>Cosmetic products are now widely accepted in Malaysia, whether men or women. The dumping of cosmetics in various aspects of beauty has become an attraction for consumers as a solution to the problems faced. Acceptance from consumers is not only based on the type of product, but the attraction to its quick effect and affordable price are also factors in choosing a cosmetic. The evolution of science and technology makes cosmetic products more diverse and more efficient. However, the failure to comply with the standards that have been set by the authorities shows that the use of prohibited substances such as scheduled poisons, haram and najis elements still exists. The haram elements and unclear halal status in cosmetics are also debated by islamic scholars such as the use of alcohol, animal elements, placenta and others. This is to make sure the purity and halal of products used by Muslim</p>

<p>menjadi perbahasan para ulama seperti penggunaan alkohol, unsur-unsur haiwan, plasenta dan seumpamanya. Hal ini bagi menjamin kesucian dan kehalalan produk yang digunakan oleh pengguna muslim. Justeru, kajian ini akan mengenalpasti bahan-bahan terlarang yang memudaratkan serta unsur-unsur yang meragukan hukum syarak dalam kosmetik semasa. Isu-isu kepenggunaan kosmetik tersebut akan dianalisis hukum syarak menurut ulama kontemporari. Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah pengumpulan data daripada kajian kepustakaan dan dianalisis menggunakan analisis kandungan. Dapatan yang diperolehi menunjukkan terdapat beberapa kategori racun berjadual memudaratkan yang digunakan dalam kosmetik. Penggunaan unsur-unsur haiwan seperti cochineal, cacing, lintah dan siput babi diharuskan kerana wujud manfaat dalam penghasilan kosmetik. Manakala penggunaan alkohol diharamkan sekiranya melalui proses arak. Unsur daripada manusia seperti plasenta diharamkan dalam kosmetik untuk mengelak eksloitasi yang tidak sepatutnya. Isu kepenggunaan kosmetik semasa merupakan ruang ijтиhad ulama kerana tiada dalil khusus dan jelas. Kesedaran pengusaha dan pengguna muslim perlu dalam memastikan kosmetik semasa mematuhi standart halal yang ditetapkan.</p> <p><b>Kata kunci:</b> Analisis Hukum, Kepenggunaan, Kosmetik, Ulama Kontemporari</p>	<p>consumers. Therefore, this study will identify the prohibited ingredients that are harmful as well as the doubted elements by Islamic law in current cosmetics. The issues of cosmetics will be analyzed according to contemporary Islamic scholars. This qualitative study is used data collection methods from literature studies and is analyzed using content analysis. The findings show that few categories of harmful scheduled poisons used in cosmetics. The use of animal elements such as cochineal, worms, leeches and pig snails are required because there are benefits in the production of cosmetics. While the use of alcohol is prohibited if it goes through the khamr process. Elements from humans such as the placenta are banned in cosmetics to avoid undue exploitation. The current issue of cosmetic consumption is a space for Islamic scholars in ijтиhad because there is no specific and clear argument. The awareness of Muslim entrepreneurs and consumers is necessary to ensure current cosmetics comply with the established halal standards.</p> <p><b>Keywords:</b> Islamic Law Analysis, Consumerism, Cosmetics, Contemporary Islamic Scholars</p>
--	--

## 1. PENDAHULUAN

Kecantikan merupakan idaman bagi setiap wanita untuk tampil dengan keyakinan di khalayak ramai. Wanita yang mementingkan kecantikan akan memperuntukan masa dan wang untuk memenuhi keinginan dan kepuasan mereka. Oleh itu, pengeluaran kosmetik sebagai produk kecantikan meningkat tinggi seiring dengan peningkatan permintaan. Pengguna kosmetik kini bukan

sahaja dalam kalangan wanita, akan tetapi golongan lelaki juga turut menggunakan produk tertentu untuk penjagaan diri dan imej mereka. Berdasarkan kajian Worth Global Style Network, golongan muslim secara global akan berbelanja untuk kosmetik sehingga 94 bilion dolar pada tahun 2024 berbanding 66 bilion dolar pada tahun 2018. Perkembangan sektor kosmetik ini akan berkembang menjadi lebih pesat dan maju (Globalcosmeticsnews, 2019). Sekalipun halal kosmetik merupakan kategori tertentu dalam produk kecantikan, ia semakin menjadi arus perdana dalam pasaran Islam (Kristen Wegrzyn, 2015).

Mengikut Garis Panduan Amalan Pengedaran Baik (2013) di bawah pantauan Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan Kementerian Kesihatan Malaysia, produk kosmetik ditakrifkan sebagai: '*Mana-mana bahan atau penyediaan yang bertujuan untuk digunakan pada bahagian luaran tubuh badan manusia (kulit, rambut, kuku, bibir dan bahagian luar alat kelamin) atau gigi dan membran mukus mulut, dengan tujuan utama untuk membersih, mewangi, mengubah rupa dan/atau memperbaiki bau badan dan/atau melindungi atau mengekalkan dalam keadaan baik*'. Antara contoh produk kosmetik adalah sabun badan, pencuci dan krim muka, pelindung matahari, syampu dan perapi rambut, produk penjagaan gigi dan cecair kumur mulut, pewarna rambut, pewangi, deodoran, gincu bibir, pembayang mata dan pengilat kuku (Erina Camillia. 2019). Ringkasnya, tujuan kosmetik adalah untuk membersih, mewangi, mencantikkan, menghilangkan bau badan dan untuk mengekalkan, yang digunakan pada luaran tubuh badan. Manakala produk dalam bentuk suntikan, makanan atau minuman untuk tujuan kecantikan, produk yang dititis dalam mulut, mata atau hidung dan produk rangsangan seks tidak tergolong dalam kosmetik ([www.pharmacy.gov](http://www.pharmacy.gov), 2021). Produk kosmetik yang dipasarkan boleh dikategorikan dalam keperluan bagi sesetengah pengguna yang mengalami masalah-masalah tertentu. Namun, tidak dinafikan juga produk ini bukannya satu keperluan bagi pengguna-pengguna yang lain, mungkin kerana terpengaruh atau obses dengan kecantikan dan produk.

Pengguna kosmetik meliputi umur yang pelbagai sama ada peringkat remaja ataupun dewasa. Pendedahan maklumat berkaitan kecantikan dan produk kosmetik berlaku melalui media massa dan juga pengaruh orang sekeliling. Perkembangan teknologi semasa mendedahkan kepada kaedah pemasaran sesuatu produk dan penerimaan maklumat oleh pengguna secara digital. Maklumat yang diperolehi berlaku sama ada secara langsung ataupun tidak langsung. Dari sini, pengguna yang bijak akan membuat pertimbangan yang baik untuk memilih sesuatu produk kosmetik. Mereka bukan sahaja menilai pada testimoni pengguna-pengguna lain, akan tetapi yang lebih penting melihat kepada keperluan dan juga faktor keselamatan produk. Dalam konteks

pengguna muslim, elemen halal perlu diambil berat sebagai salah satu pertimbangan pemilihan dan penggunaan kosmetik. Iklan kosmetik yang berbentuk islamik bukan ukuran halal secara teknikal kerana di Malaysia secara khususnya, pensijilan halal di sediakan untuk produk kecantikan yang merujuk kepada MS 2200-Bahagian 1: 2008 Barang Gunaan Islam-Kosmetik dan Dandan Diri (Rabiatul Adawiyah Abd Rahman & Zalina Zakaria, 2019).

Produk kosmetik di pasaran juga perlu melepassi tahap tapisan bahan yang digunakan. Hal ini kerana terdapat bahan-bahan terlarang yang digunakan semata-mata untuk mendapatkan hasil penggunaan yang cepat berkesan dalam tempoh yang singkat. Kesan sampingan dalam penggunaan bahan-bahan terlarang boleh menimbulkan kemudaratan kepada pengguna. Oleh kerana itu, pengguna yang bijak tidak boleh hanya terpengaruh pada luaran produk dengan iklan, tawaran dan testimoni sahaja, bahkan elemen keselamatan dan halal perlu dititikberatkan. Justeru, kajian ini akan mengenalpasti beberapa isu dalam produk kosmetik dari sudut penggunaan bahan terlarang dan yang haram, dan menganalisis hukum yang telah diputuskan oleh para ulama berkaitan dengan isu-isu dalam kepenggunaan kosmetik semasa.

## **2. PENYALAHGUNAAN BAHAN TERLARANG DAN HARAM DALAM KOSMETIK**

Polemik dalam isu bahan terlarang yang digunakan dalam kosmetik masih berlaku sekalipun pihak berkuasa telah mengambil tindakan terhadap pengusaha yang menggunakan. Modus operandi yang digunakan adalah dengan memaparkan testimoni yang berkesan hasil daripada penggunaan produk dan tawaran harga yang mampu milik. Pengguna yang obses dengan kecantikan dan sesuatu produk menjadikan mereka tidak mempertimbangkan kemudaratan yang mungkin akan berlaku akibat daripada penggunaan produk yang mengandungi bahan terlarang. Selain itu, aspek halal dalam produk kosmetik juga kurang ditekankan oleh sesetengah pengusaha dan pengguna. Dalam masa yang sama, penggunaan logo halal oleh pihak pengilang atau pengedar untuk produk kosmetik oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia bukan merupakan keperluan mandatori (pharmacy.gov.my, 2021).

Penggunaan kosmetik murah yang semakin berleluasa terutamanya yang dijual secara dalam talian, berisiko mengundang bahaya lebih-lebih jika digunakan secara berpanjangan. Produk yang dibawa masuk dari negara jiran kebiasaannya menggunakan bahan kimia berlebihan dan berbahaya dan ini berisiko kepada kesihatan. Kebanyakan produk kosmetik yang dibawa masuk secara tidak sah adalah dari negara Thailand, China dan Vietnam, sebelum

dibungkus semula menggunakan pelbagai jenama (Zuliaty Zulkifli, 2017). Berdasarkan kepada pangkalan data produk kosmetik bernotifikasi Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK), sehingga bulan November 2015, terdapat lebih kurang 145,000 produk kosmetik bernotifikasi di Malaysia (Noor Hisham Abdullah, 2016). Jumlah ini menunjukkan penerimaan dan permintaan pengguna di Malaysia dengan produk kosmetik adalah tinggi sama ada dari dalam atau luar negara.

Produk kosmetik yang dicampur palsu ialah produk yang mengandungi logam berat seperti merkuri dan plumbum atau bahan racun berjadual seperti *hydroquinone*, *tretinoin*, *antibiotik* seperti *clindamycin* atau steroid seperti *betamethasone* (KKM, 2015; Intan Mas Ayu, 2017). Bahan-bahan campurpalsu kebiasaannya bertujuan untuk keberkesanan produk dalam masa yang singkat. Contohnya, *hydroquinone* dan merkuri biasanya ditambah ke dalam produk pemutih kulit untuk mendapatkan kulit yang lebih cerah atau merawat masalah pigmentasi kulit manakala tretinoin dan antibiotik ditambah ke dalam produk kosmetik untuk merawat masalah kulit berjerawat. Namun, kesan bahan-bahan tersebut akan mendatangkan kemudaratan seperti pendedahan kepada merkuri boleh menyebabkan ruam, iritasi dan perubahan yang tidak diingini pada kulit. *Hydroquinone* juga boleh menghalang proses pigmentasi dan ini menyebabkan pengurangan perlindungan kulit daripada pancaran sinar UV berbahaya serta meningkatkan risiko kanser kulit (KKM, 2015; Siti A'isyah Sukaimi, 2019). Antara bahan-bahan terlarang yang dikategorikan sebagai racun berjadual yang menjadi kelaziman dicampurpalsu dalam produk kosmetik adalah seperti dalam jadual 1 ([www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn), 2019; Nurhirza Shaiful Yamin, 2019):

**Jadual 1:** Senarai Bahan Terlarang Dalam Produk Kosmetik

Bahan-bahan Terlarang	Kesan
<i>Azaleic Acid</i>	Penggunaan <i>azelaic acid</i> tanpa pengawasan boleh menyebabkan bahagian kulit yang disapu akan mengalami rasa terbakar, pedih, kering, mengelupas dan kemerahan.
<i>Hydroquinone</i>	Penggunaan <i>hydroquinone</i> tanpa pengawasan boleh menyebabkan hipersensitiviti pada kulit, perubahan kepada warna kulit yang menyebabkan kulit secara beransur-ansur menjadi kehitaman, dan meningkatnya risiko kanser kulit.
<i>Mercury</i>	Tahap <i>mercury</i> yang tinggi atau pendedahan yang kerap boleh menyebabkan kulit kebas, sakit kepala, ruam, perubahan warna kulit serta kerosakan pada buah pinggang dan sistem saraf.
<i>Phenobarbital</i>	Pengambilan <i>phenobarbital</i> tanpa pengawasan boleh menyebabkan kesan yang serius seperti alahan pada kulit.
<i>Phenylbutazone</i> ,	Penggunaan <i>Phenylbutazone</i> , <i>Piroxicam</i> dan <i>Diclofenac</i> tanpa

<i>Piroxicam Dan Diclofenac</i>	pengawasan boleh menyebabkan ulser peptik, pendarahan gastro-usus, loya, muntah-muntah, ruam kulit, kabur penglihatan, edema, penyakit kuning dan kegagalan buah pinggang. Phenylbutazone juga sering dikaitkan dengan kesan sampingan yang teruk seperti penyakit darah yang serius.
<i>Salicylic Acid</i>	Penggunaan produk yang mengandungi <i>salicylic acid</i> dengan tahap yang tinggi boleh mengakibatkan kulit terasa gatal, kering dan merah.
<i>Spirinolactone</i>	Penggunaan <i>spironolactone</i> tanpa pengawasan boleh menyebabkan kesan sampingan seperti ruam pada kulit hingga menyebabkan kemerahan-merahan dan melepuh pada bahagian lain badan.
<i>Tretinooin</i>	Penggunaan <i>tretinooin</i> yang tidak betul boleh menyebabkan kulit yang disapu menjadi kemerahan, mengelupas dan parut pada kulit.

Bahan-bahan racun berjadual yang dikesan dalam kosmetik disifatkan sebagai ubat yang perlu berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) dan hanya boleh diguna atas nasihat profesional kesihatan (Norhafzan Jaafar, 2019). Di Malaysia, kawalan produk kosmetik adalah di bawah Akta Jualan Dadah 1952 dan Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984. Peraturan-Peraturan ini adalah berkaitan dengan kawalan keselamatan, kualiti dan tuntutan produk untuk memastikan semua tuntutan kosmetik boleh disokong dengan data yang mencukupi, bagi tujuan melindungi dan menggalakkan kesihatan awam (Erina Camillia, 2019). Justeru itu, pihak pengguna perlu prihatin terhadap produk yang digunakan dan bukan mudah terpengaruh dengan iklan yang dikeluarkan dengan tawaran serta kesan penggunaan yang singkat semata-mata.

Selain itu, elemen bahan larangan yang haram pada pandangan syarak juga wujud dalam kosmetik semasa. Realitinya, banyak produk kosmetik semasa di pasaran yang tidak selari dengan konsep halal. Sebagai contoh, bahan ramuan bersumberkan lemak haiwan yang tidak menepati syariat Islam. Gliserin sebagai contohnya, yang bersumberkan lemak haiwan pula perlulah ditekankan, terutamanya dari segi proses dan rantaian bekalan dalam penghasilan pengeluaran dan ternakan haiwan halal. Hal ini kerana, gliserin yang bersumberkan lemak haiwan khinzir lebih banyak didapati dalam produk kosmetik seperti alat solek muka, losyen, krim-krim kulit dan pewarna rambut (Rabiatal Adawiyah Abd Rahman & Zalina Zakaria, 2019).

Sebagaimana juga gelatin, ianya diragui status halal sama ada dalam produk makanan, minuman, ubatan dan kosmetik. Gelatin adalah protein yang

diperolehi daripada tisu kolagen haiwan yang terdapat dalam kulit, tulang dan tisu penghubung. Gelatin daripada khinzir biasanya menjadi pilihan berbanding gelatin yang dihasilkan daripada haiwan yang halal atau pun daripada kekuaran pertanian kerana kosnya lebih murah. Sehingga kini, dianggarkan 60 sehingga 70 peratus daripada penghasilan gelatin di seluruh dunia adalah berasakan khinzir (Rabiatul Adawiyah Abd Rahman & Zalina Zakaria, 2019). Penggunaan gelatin ini tidak difahami dengan betul dan tidak diambilberat oleh sesetengah pengguna kerana salah satu faktornya ialah mereka hanya memilih produk kosmetik yang berkesan penggunaannya.

Penggunaan alkohol dalam kosmetik juga bergantung kepada tujuannya yang tersendiri. Alkohol kebiasaannya difahami unsur daripada arak. Namun, dengan kecanggihan teknologi semasa, alkohol mampu diperincikan penghasilannya dan penggunaannya daripada sumber yang halal dan juga yang haram. Proses pembuatannya salah satu faktor yang menentukan status halal dan haram bagi sesuatu alkohol. Sekiranya proses pembuatan adalah untuk penghasilan arak maka ianya adalah haram (Nur Bahirah Baharum et.al., 2020). Selain itu, penggunaan bahan-bahan campuran dalam produk kosmetik seperti daripada unsur haiwan yang haram dimakan juga menjadi perbahasan dalam kalangan para ulama. Antaranya seperti unsur-unsur daripada babi yang telah melalui proses-proses sehingga menghilangkan zat asalnya yang dibahas dalam konteks *istihalah*. Dalam konteks ini para ulama ada yang berselisih pendapat penggunaannya.

Antara elemen-elemen lain yang perlu dititikberatkan dalam produk kosmetik ialah seperti lemak dengan nama lain penggunaannya gliserin, stearic acid, palmitate acid dan lain-lain. Lemak ini kebiasaannya diambil daripada haiwan yang tentunya sama ada daripada haiwan yang halal, yang tidak disembelih ataupun yang haram. Selain itu, kolagen dan elastin yang digunakan untuk menjaga kelenturan kulit juga kebiasaannya berasal daripada haiwan. Manakala plasenta yang juga untuk kecantikan kulit dapat diperolehi daripada haiwan dan bahkan manusia (Halal.MUI, 2022). Tidak dinafikan sekiranya sesuatu yang bersumberkan haiwan boleh tergolong dalam kategori halal. Namun, sekiranya haiwan yang tidak disembelih mengikut syarak dan haiwan yang haram dimakan, sumber daripadanya adalah haram melainkan dalam keadaan darurat.

### 3. PANDANGAN HUKUM SYARAK DALAM KOSMETIK SEMASA

Menurut Louise Prance (2017), kajian daripada AMust Media menunjukkan kurangnya kesedaran daripada masyarakat muslim dalam arus perdana kosmetik terutamanya yang berstatus haram. Dalam masa yang sama,

perolehan status halal secara sah juga menjadi polemik sedangkan hal ini menjadi aras tanda kepercayaan masyarakat muslim terhadap halal bagi sesuatu produk kosmetik. Menurut Rabiatul Adawiyah Abd Rahman dan Zalina Zakaria (2019), konsep halal haram bukan sahaja tertentu kepada perihal larangan dalam Islam seperti najis sahaja bahkan juga telah menjadi konsep yang universal dan melibatkan keseluruhan aspek. Penilaian halal meliputi daripada proses awal sesuatu produk sehingga hasil dapat diperolehi dan disalurkan kepada pengguna.

Kepelbagaiannya kosmetik semasa yang wujud di pasaran memerlukan kepada penilaian hukum untuk memastikan pengguna muslim secara khususnya selesa dan yakin untuk menggunakannya. Kosmetik tidak hanya dilihat pada kesan positif penggunaannya, bahkan aspek hukum syarak juga perlu diambil peduli. Hukum syarak merujuk kepada perintah Allah Taala yang berkait dengan perbuatan mukallaf secara tuntutan, pilihan dan ketetapan (Ali Jum'ah, 2006). Justeru, beberapa isu terpilih dalam kosmetik yang melibatkan kepada perbincangan para ulama akan dianalisis. Beberapa pandangan ulama dalam isu kosmetik semasa akan dikemukakan untuk melihat status pandangan hukum syarak. Pandangan hukum ini melibatkan kajian-kajian semasa, fatwa-fatwa dan juga penjelasan hukum daripada badan-badan berautoriti serta para ulama.

### **3.1 Penggunaan Anggota Dan Unsur Daripada Haiwan**

Haiwan merujuk kepada hidupan yang hidup secara melata yang terdiri daripada haiwan darat, akuatik dan dua alam (MKI, 2008). Anggota haiwan dan unsur daripada haiwan adalah apa-apa sahaja elemen yang diambil daripada haiwan sama ada dalam bentuk fizikal atau cecair dan sebagainya. Penggunaannya bukan sahaja dalam bidang produk makanan, bahkan industri kosmetik juga terlibat bagi penghasilan produk tertentu. Justeru, penggunaan anggota atau unsur haiwan dalam kosmetik telah menjadi perbahasan para ulama melibatkan pandangan hukum sama ada halal atau sebaliknya.

Di Malaysia, beberapa keputusan yang berkaitan penggunaan anggota dan unsur daripada haiwan telah diputuskan khususnya pada peringkat pemfatwaan. Antaranya Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan (2018), telah memutuskan bahawa mana-mana produk yang menggunakan anggota atau unsur haiwan yang halal dimakan, tetapi sekiranya ia mendatangkan mudarat, penggunaannya adalah dilarang oleh Islam. Sebagaimana juga produk kosmetik yang mengandungi bahan najis seperti anggota atau unsur haiwan yang haram dimakan adalah haram digunakan. Namun, kulit binatang yang haram dimakan tetapi telah disamak adalah harus

digunakan untuk tujuan kosmetik. Keputusan ini selari dengan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor (2006) yang menetapkan hukum haram penggunaan anggota dan unsur haiwan sama ada halal dimakan ataupun tidak sekiranya mendarangkan kemudaratan kepada pengguna kosmetik tersebut.

Penggunaan siput babi dalam kosmetik diharuskan sekalipun ianya antara binatang darat yang dikategorikan *khabaith* iaitu kotor. Ini kerana siput babi tidak dinaskan secara jelas pengharamannya dan tidak tergolong dalam kategori najis (Irsyad Al-Fatwa, 2017). Lendir yang di ambil pada bahagian atas siput babi sebagai bahan semulajadi, digunakan dalam produk kosmetik bertujuan untuk kecantikan kulit wajah serta berpotensi memperbaiki tulang dan gigi. Justeru, keharusan penggunaannya bukan sahaja kerana siput babi bukan tergolong dalam kategori najis, bahkan kemanfaatan penggunaannya dalam kosmetik terbukti atas dasar *maṣlaḥah tahrīrīyah* (Ainul Yaqin Bakharudin & Mohammad Zaini Yahaya, 2019). Penggunaan cacing dan lintah dalam kosmetik juga telah diharuskan sekalipun kedua-dua haiwan ini adalah tidak halal dimakan dan tergolong dalam *khabaith*. Namun kerana terdapat manfaat yang boleh diperolehi daripada kedua-duanya, Jawatankuasa Fatwa bagi Negeri Selangor antara badan autoriti yang telah mengharuskannya (Warta Fatwa Selangor, 2011).

Kumbang *Chochineal* adalah serangga yang menghasilkan pewarna merah secara semulajadi dan digunakan dalam kosmetik sebagai pewarna gincu. Pewartaan fatwa oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak (2015) dan keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI (2012), telah berpandangan bahawa *cochineal* adalah sejenis serangga yang tidak membahayakan dan zat pewarna yang dihasilkan boleh dimanfaatkan oleh manusia. Penggunaannya diharuskan selagi mana ianya tidak mendarangkan kemudaratan (Al-Kafi, 2017). Menurut Ainul Yaqin Bakharudin & Mohammad Zaini Yahaya (2019), manfaat daripada *cochineal* potensi untuk penghasilan produk kosmetik penjagaan kulit “*skincare*” dan produk kosmetik warna “*make up*” dan kedudukan hukumnya diharuskan kerana kemaslahatan dan tidak memudaratkan. Begitu juga dengan cengkerik, yang dijadikan bahan dasar dalam kosmetik. Ianya dimanfaatkan untuk penjagaan kulit bagi mencegah penuaan, keguguran rambut, menjaga rambut serta memperbaiki pertumbuhan semula rambut.

Ekstrak uterus (plasenta) yang digunakan dalam kosmetik bukanlah satu perkara yang baru dalam industri ini. Perbahasan hukum dalam kalangan ulama bagi konteks penggunaan plasenta dalam kosmetik adalah berbeza-beza. Hal ini kerana tidak nas secara jelas tentang pengharamannya dan ini dikategorikan dalam bab ijтиhad semasa pada ulama (Mohd Mahyeddin Mohd

Salleh, 2018). Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan antaranya telah mengemukakan pandangan hukum berkaitan plasenta dalam kosmetik iaitu mengharuskannya sekira plasenta tersebut adalah daripada haiwan yang halal dan melalui penyembelihan syar'ie. Sebaliknya haiwan yang dikategorikan najis, penggunaan plasentanya adalah haram untuk tujuan kosmetik (Irsyad Al-Fatwa, 2019).

### 3.2 Penggunaan Anggota dan Unsur daripada Manusia

Manusia merupakan makhluk yang dimuliakan penciptaannya. Ini dirakamkan dalam al-Quran pada surah al-Isra' ayat 70 dengan firman Allah Taala yang bermaksud:

*"Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut; dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang bai-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan".*

Justeru, kemuliaan jasad manusia perlu dipelihara sama ada ketika hidup ataupun setelah meninggal dunia. Dalam industri kosmetik, penggunaan unsur-unsur daripada manusia juga turut berlaku. Antaranya ialah plasenta manusia yang digunakan sebagai salah satu pencegahan penuaan. Ekstrak plasenta juga mampu menstabilkan sistem hormon sehingga dapat meningkatkan melancarkan peredaran darah, menstabilkan menopause dan boleh meningkatkan kesuburan bagi lelaki dan wanita (Muchtaridi, 2017). Namun, melalui tinjauan pendapat ulama bagi hukum syarak dalam konteks penggunaan plasenta manusia, dapat dirumuskan bahawa fatwa Majlis Ulama Indonesia menetapkan plasenta manusia sekalipun bukan najis tetapi ianya adalah haram dalam kosmetik selagimana tidak mencapai kedudukan *darurah* (Mirnawati Umar, 2017). Di Malaysia juga, hukum penggunaannya adalah haram kerana kemuliaan manusia serta mengelak daripada berlakunya eksploitasi terhadap tubuh badan manusia (Meor Riduan Meor Ahmad, 2019).

Selain daripada itu juga, terdapat fatwa secara umum berkaitan penggunaan mana-mana organ atau unsur daripada manusia (*juz insani*) dalam kosmetik. Oleh kerana kedudukan kosmetik masih dalam rangkuman *maslahat tahliniyyat* dan bukannya *daruriyyat*, maka penggunaan daripada unsur manusia adalah haram (MUI, 2000). Apabila sesuatu sudah mencapai kedudukan *daruriyyat*, maka tegahan yang melibatkan hukum haram akan diharuskan berdasarkan

keperluan yang mendesak tersebut.

### 3.3 Penggunaan Alkohol

Meminum arak telah menjadi ijmak dalam kalangan ulama berkaitan pengharamannya. Ini berdasarkan kepada nas yang jelas daripada al-Quran dan Hadis. Namun, penggunaannya pada luaran tubuh menjadi perbahasan para ulama sehingga ada yang mengharuskannya (Mohammad Aizat Jamaluddin et. al., 2011). Dalam penggunaan semasa khususnya kosmetik, istilah alkohol dijelaskan dalam konteks yang lebih luas sama ada ianya dalam kategori arak atau sebaliknya. Menurut Latifah Mohd Noor (2018), alkohol ialah sebatian organik yang mempunyai pelbagai kegunaan dan manfaat. Namun, alkohol sering diklasifikasikan sebagai arak yang membawa hukum haram. Hakikatnya, arak atau *khamr* dan alkohol sebenarnya mempunyai pengertian yang berbeza. Alkohol yang diharamkan adalah etanol yang menjadi salah satu bahan dalam arak. Arak terkategori dalam alkohol tetapi tidak semua alkohol adalah arak. Justeru alkohol yang bukan melalui proses pembuatan arak adalah diharuskan (Nur Bahirah Baharum, 2020).

Antara daripada isu penggunaan alkohol dalam kosmetik ialah *sake*. *Sake* ialah sejenis minuman arak yang lazim dalam kalangan bangsa Jepun. Ia diperbuat hasil daripada penapaian kanji beras yang telah digilap untuk mengeluarkan dedak beras. *Sake* dihasilkan melalui proses pembiran seakan bir di mana kanji ditukarkan kepada gula sebelum ia ditukarkan kepada alkohol. Justeru, jelaslah bahawa *sake* ialah sejenis arak dan bukannya semata-mata alkohol. Oleh itu, hukum bagi arak adalah najis dan haram menggunakananya (Jabatan Mufti Wilayah, 2020). *Sake* dalam industri kosmetik di Jepun adalah salah satu yang berfungsi untuk membaiki kulit dan anti penuaan (Jeong-Ah Hwang, 2013).

Penggunaan alkohol juga wujud dalam pembuatan minyak wangi yang berperanan supaya menghasilkan bau yang kuat serta tahan lama (Muhammad Kahfi Aulia, 2020). Fatwa Majlis Ulama Indonesia (2018) telah memutuskan bahawa alkohol yang digunakan dalam bidang kosmetik adalah harus dan tidak dibatasi kandungannya sekiranya proses penghasilannya adalah bukan daripada pemprosesan arak. Di Malaysia juga, Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (2011) memutuskan hukum harus bagi minyak wangi yang beralkohol sekiranya bukan daripada proses pembuatan arak. Justeru, alkohol yang dihasilkan melalui sintetik bahan kimia dan bukan daripada proses penghasilan arak yang ada dalam minyak wangi ataupun minyak rambut harus digunakan ketika solat (Fatwa Brunei, 2007). Kedudukan perbahasan alkohol ini adalah dalam

ruang lingkup *maslahah mursalah* dan ianya tidak diikat dengan dalil *qat'ie*, berbeza dengan hukum bagi arak. Justeru keharusannya adalah berdasarkan ijтиhad semasa dalam proses penggunaanya selagimana tidak mendatangkan kemudarat (Hafsah Dewi Utami, 2018).

Kedudukan kosmetik yang dibahaskan oleh para ulama adalah berada dalam aspek *tahsiniyyat* iaitu kecantikan dan kesempurnaan. Ianya tidak sampai kepada tahap *daruriyyat* iaitu keperluan yang mendesak melainkan sekiranya dikaitkan dengan perubatan. Justeru kebanyakannya pandangan syarak dalam isu-isu tersebut menekankan elemen *maslahah tahsiniyyat* dalam menentukan bahan-bahan yang haram secara khususnya tidak boleh digunakan dalam produk kosmetik. Untuk aspek kecantikan dan kesempuraan pada penampilan diri, syarak mengharuskan penggunaan bahan-bahan yang halal dan suci. Manakala bahan-bahan yang berunsur najis seperti daripada babi, arak dan seumpamanya adalah diharamkan.

Skop isu yang dibincangkan adalah dalam *ijtihadiyyah* iaitu perkara yang diijtihad oleh para ulama yang mana ianya tidak berlaku secara jelas pada zaman Rasulullah SAW dan tiada dalil yang jelas berkaitan dengan isu. Usaha pihak berautoriti khususnya badan-badan pemfatwaan dan para pengkaji dalam merungkaikan permasalahan hukum dalam kepenggunaan ini menunjukkan keprihatinan dalam mencari yang halal dan baik untuk kegunaan muslim. Sekalipun pandangan hukum ini telah dikemukakan, namun kesedaran dan keprihatinan pengusaha dan pengguna kosmetik muslim khususnya masih perlu dipertingkatkan agar mereka memahami dan menggunakan produk yang suci dan diyakini status halalnya.

#### 4. KESIMPULAN

Evolusi dalam sains dan teknologi membantu kemajuan industri-industri termasuk kosmetik. Penerimaan produk kosmetik bukan sahaja daripada kalangan pengguna wanita sahaja, bahkan golongan lelaki turut serta sebagai elemen kecantikan, kebersihan diri dan juga keyakinan apabila di khalayak ramai. Namun, kandungan produk kosmetik boleh terdedah kepada campuran bahan-bahan terlarang yang boleh memberikan kesan buruk terhadap kesihatan pengguna. Dalam pada itu juga, bahan-bahan campuran yang berunsur tidak halal dan ragu-ragu juga digunakan dalam sesetengah produk kosmetik. Justeru, kosmetik yang berada di pasaran sama ada keluaran tempatan ataupun yang diimport perlu kepada penelitian dan kesedaran daripada pengusaha dan pengguna untuk memastikan ianya halal dan selamat untuk digunakan. Penekanan kepada halal dalam kosmetik melalui proses yang terperinci di peringkat Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) adalah

untuk memastikan keselamatan dan kesucian sesuatu produk. Dari pihak pengguna, mereka tidak boleh hanya bergantung kepada testimoni pengguna lain dan iklan-iklan yang meyakinkan semata-mata. Ilmu dan kesedaran sebagai pengguna perlu ada untuk kebaikan dan keselamatan mereka.

## 5. RUJUKAN

- Ainul Yaqin Bakharudin & Mohammad Zaini Yahaya. (2019). Penggunaan Serangga (al-Hasharat) dalam Produk Kosmetik Menurut Perspektif Maslahah. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*. Vol. 2 Isu. 3.
- Ali Jum'ah. (2006). *Hasyiah Al-Imam Al-Baijuri 'Ala Jauharah Al-Tauhid Al-Musamma Tuhfat Al-Murid 'Ala Jauharah Al-Tauhid*. Kaherah: Dar Al-Salam. Cet. 3.
- Erina Camillia. (2019). Kawalan produk kosmetik di Malaysia. <http://www.myhealth.gov.my/kawalan-produk-kosmetik-di-malaysia/>. Tarikh akses 21 Disember 2021.
- Hafsa Dewi Utami. (2018). Analisis Maslahah Terhadap Fatwa Majelis Ulama (MUI) No. 11 Pasal 5 Tahun 2009 Tentang hukum Alkohol. Tesis Sarjana, Fakultas Syari'ah Institut Agama Islam Negeri Ponorogo, Indonesia.
- Intan Mas Ayu Shahimi. (2017). Waspada Kosmetik Murahan. Keratan akhbar harian Metro, Khamis 19 Julai 2017.\
- Keputusan Muzakarah Jawantankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. (2011). Alkohol Dalam Makanan, Minuman, Pewangi Dan Ubat-Ubatan. <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/10281>. Tarikh akses 25 Ogos 2022.
- Kristen Wegrzyn. (2015). Halal Beauty Becoming Increasingly Mainstream. <https://www.gcimagazine.com/consumers-markets/news/21854795/halal-beauty-becoming-increasingly-mainstream>. Tarikh akses 21 Disember 2021.
- Laman Sesawang Kementerian Kesihatan Malaysia. (2015). <http://www.myhealth.gov.my/bahan-campurpalsu-adulterant-dalam-produk-kosmetik/>. Tarikh akses 22 Disember 2021.
- Laman sesawang <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/find/pr/10301>. Hukum Bahan Pewarna Cochineal: Kajian Semula Kadar Piawaian Yang Ditetapkan Oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. (2012). Tarikh akses 23 Ogos 2022.

Laman Sesawang Kementerian Kesihatan Malaysia.  
<http://www.knowyourmedicine.gov.my/ms/infografik/apa-itu-kosmetik>. Tarikh akses 21 Disember 2021.

Laman Sesawang <https://www.pharmacy.gov.my/v2/ms/soalan-lazim/adakah-kosmetik-malaysia-mendapat-pengesahan-status-halal.html-0>. Tarikh akses 30 November 2021.

Laman Sesawang Kementerian Kesihatan Brunei  
<http://www.moh.gov.bn/SitePages/BannedCosmeticProducts.aspx>. Tarikh akses 4 Januari 2022.

Laman Sesawang Majelis Ulama Indonesia.  
<https://www.halalmui.org/mui14/main/detail/awas-hindari-kosmetik-haram-dan-najis>. Tarikh akses 5 Januari 2022.

Laman Sesawang Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.  
<https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/3002irsyad-al-fatwa-siri-ke-281-hukum-suntikan-kosmetik-menggunakan-plasenta>. Hukum Suntikan Kosmetik Menggunakan Plasenta. 2019. Tarikh akses 23 Ogos 2022.

Laman sesawang Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. Pewarna Merah Gincu Bibir yang Diperbuat Daripada Cochineal. Adakah Halal?.  
<https://muftiwp.gov.my/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/2085-al-kafi-505-pewarna-merah-gincu-bibir-yang-diperbuat-daripada-cochineal-adakah-halal>. Tarikh akses 23 Ogos 2022.

Laman Seswang <https://www.globalcosmeticsnews.com/millennial-and-muslim-halal-beauty-gets-a-makeover/>. Millenia And Muslim: Halal Beauty Gets A Makeover. Tarikh akses 30 November 2021

Latifah Mohd Noor. (2018). Alkohol: Definisi, Pengharaman, Metabolisme Dan Kegunaannya. *Ulum Islamiyyah Journal*, Universiti Sains Islam Malaysia. Vol 23.

Louise Prance. (2017). *The Year That...Halal Got Serious*.  
<https://www.globalcosmeticsnews.com/2017-the-year-that-halal-got-serious/>. Tarikh akses 30 November 2021.

Mirnawati Umar. (2017). Tinjauan Hukum Islam Terhadap Penggunaan Plasenta Manusia Sebagai Bahan Kosmetika Anti Aging Suntik Pemulih. Tesis Sarjana, Fakultas Syariah Dan Hukum, UIN Alauddin Makasar, Indonesia.

Mohammad Aizat Jamluddin & Mohd Anuar Ramli. (2011). Isu Penggunaan Alkohol Dalam Penghasilan Produk Gunaan Semasa: Analisis dari Perspektif Hukum Islam. Kertas kerja Seminar Perundangan Islam Dalam Masyarakat Kontemporari (ISLAC). Universiti Sultan Zainal Abidin, 18-19 November 2011.

Mohd Mahyeddin Mohd Salleh. (2018). Plasenta Haiwan Dalam Produk Kosmetik Dan Farmaseutikal: hala Atau Haram?. Malaysian Journal Of Syariah And Law. Universiti Sains Islam Malaysia. Edisi Khas. Vol 8. Bil. 1.

Muchtaridi. (2017). Kosmetika Halal atau Haram serta Sertifikasinya. Majalah Farmasetika, Fakultas Farmasi, Universitas Padjadjaran. Vol. 2 No.1.

Muhammad Kahfi Aulia. (2020). Kajian hukum Islam Tentang Hukum Pemakaian Parfum Yang Mengandungi Alkohol Di Kota Pontianak. E-Jurnal Fatwa Hukum, Fakulti Undang-undang, Universitas Tanjungpura. Vol. 3. No. 3.

Noor Hisham Abdullah. (2016). Kawalan Kosmetik Di Malaysia. <https://www.npra.gov.my/index.php/en/archives/press-release/977-kenyataan-akbar-kawalan-kosmetik-di-malaysia>. Tarikh akses 21/ Disember 2021.

Norhafzan Jaafar. (2019). Kosmetik Haram ‘Dikitar Semula’. Keratan akhbar Berita Harian, 28 Oktober 2019.

Nur Bahirah Baharum et. al. (2020). Literatur: Konsep Alkohol Menurut Islam. Jurnal Al-Sirat, Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah. Bil. 19

Nurhirza Shaiful Yamin. (2019). Hydroquinone Dalam Sediaan Kosmetik. Laman sesawang Kementerian Kesihatan Malaysia, <http://www.myhealth.gov.my/hydroquinone-dalam-sediaan-kosmetik/>. Tarikh akses 3 Julai 2022.

Rabiatul Adawiyah Abd Rahman & Zalina Zakaria. (2019). *Pelaksanaan Standart Kosmetik Halal: Malaysian Standard MS2200 – Bahagian 1: 2008 Barang Gunaan Islam-Kosmetik Dan Dandanan Diri – Garis Panduan Umum: Satu Sorotan Literatur*. Journal of Shariah Law Research (JSLR), Jabatan Syariah Dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Vol (4) 2.

Sanep Ahmad, Mohd Ali Mohd Noor & Lidia Fitri. (2014). *Ketekalan Gelagat Pengguna Muslim Terhadap Status Halal: Kearah Strategi Berkesan Promosi Produk Halal*. Prosiding PERSIDANGAN KEBANGSAAN EKONOMI MALAYSIA (PERKEM) KE-9 2014. Fakulti Ekonomi Dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Siti A'isyah Sukaimi. (2019). Racun berjadual dalam produk kosmetik. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/12/529030/racun-berjadual-dalam-produk-kosmetik>. Tarikh akses 1 Julai 2002.

Warta Fatwa Jawantakuasa Fatwa Perak. (2015). Fatwa Mengenai Hukum Bahan Pewarna *Cochineal*. Kajian Semula Kadar Piawaian Yang Ditetapkan Oleh Muzakarah Jawankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia.

Warta Fatwa Majlis Ulama Indonesia. (2018). Produk Kosmetika Yang Mengandungi Alkohol/ Etanol. No. 11.

Warta Kerajaan, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor. (2011). Hukum Menternak Dan Menjual Lintah Untuk Tujuan Perubatan Dan Kosmetik. Jil. 64. No. 7.

Zuliaty Zulkifli. (2019). *Trend Penggunaan Kosmetik Murah Membimangkan*. <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2017/09/321547/trend-penggunaan-kosmetik-murah-membimangkan>. Tarikh akses 21 Disember 2021.

Zulkifli Mohamad al-Bakri. (2017). Hukum Penggunaan Siput Babi Dalam Penghasilan Produk Kosmetik. Laman Sesawang Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/910-irsyad-al-fatwa-siri-ke-188-hukum-penggunaan-siput-babi-dalam-penghasilan-produk->. Tarikh akses 23 Ogos 2022.

**Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*